

15/10/2003

Pegawai kanan kupas isu pilihan

MESYUARAT Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) bermula, di Bangkok, semalam, dengan pegawai kanan 21 anggota forum itu masing-masing mahu memastikan isu pilihan mereka mendapat perhatian pada mesyuarat peringkat menteri dan pemimpin.

Thailand sebagai pengerusi Apec 2003, mahu seberapa boleh Apec menumpukan perbincangannya kepada isu utama kumpulan itu iaitu perdagangan dan pelaburan, program pemudah cara perdagangan dan kerjasama ekonomi dan teknologi bagi membina keupayaan anggota yang ketinggalan.

Namun, Amerika Syarikat mahu menggunakan perhimpunan Apec tahun ini untuk meneruskan perjuangannya untuk membuka lebih luas lagi pasaran dunia selepas gagal berbuat demikian di Cancun, Mexico pada mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), bulan lalu.

Rundingan perdagangan dunia di Cancun itu yang berhasrat mengadakan peraturan perdagangan dunia baru tahun depan gagal mendapat pemuafakatan anggotanya.

Ini adalah berikutan keengganan negara maju untuk menghapuskan subsidi yang diberi kepada petani mereka, sebaliknya mendesak negara lebih miskin merundingkan isu pembukaan pasaran bersama-sama isu baru, termasuk mengenai peraturan pelbagai hala berhubung pelaburan asing, daya saing dan pemerolehan kerajaan.

Wakil Perdagangan Amerika, Robert Zoellick, dalam satu kenyataan semalam berkata negaranya akan mengadakan perbincangan dengan rakan anggota Apec mengenai cara terbaik untuk "bergerak ke arah pasaran terbuka melalui Agenda Pembangunan Doha (agenda WTO) dan juga melalui Apec".

Ketua Pengarah Kementerian Luar Thailand, Sihasak Phuangketkeaw ketika ditemui wartawan di sini mengesahkan Mesyuarat Pegawai Kanan (SOM) pagi semalam memberi tumpuan sepenuhnya kepada isu WTO, menandakan sekali Apec akan dipesongkan untuk membincangkan isu mendesak bagi Amerika Syarikat.

Thailand sebagai tuan rumah sudah menetapkan tema mesyuarat Apec tahun ini 'A World of Differences : Partnership for the Future' (Dunia yang Pelbagai: Perkongsian untuk Masa Depan) yang menggambarkan keupayaan keahlian kumpulan itu yang pelbagai untuk bekerjasama bagi pembangunan ekonomi secara saksama.

Selain isu WTO dan agenda perbincangan peringkat menteri dan pemimpin yang lain, SOM yang dipengerusikan setiausaha tetap Kementerian Luar Thailand, Tej Bunnag turut memperincikan draf pengisytiharan yang bakal dibuat pada akhir mesyuarat pemimpin Selasa depan.

Delegasi Malaysia pada SOM semalam diketuai Pengarah Bahagian Apec Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), J Jayasiri.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang tiba esok akan mengetuai delegasi 18 anggota Malaysia ke mesyuarat dua hari peringkat menteri (AMM) bermula Jumaat ini yang terdiri daripada pegawai Miti, Kementerian Luar, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia.

Rafidah akan mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke mesyuarat tahunan tidak rasmi pemimpin ekonomi Apec, pada 20 hingga 21 Oktober ini.

Sebelum mesyuarat pemimpin itu, AMM 2003 akan mengkaji semula usaha menetapkan rangka kerja bagi kegiatan Apec untuk tahun depan. Aktiviti Apec sedia ada pada tahun termasuk memasukkan standard ketelusan ke dalam

peraturan, undang-undang dan prosedur pentadbiran di dalam bidang-bidang seperti bidang pelaburan, harta intelek dan prosedur kastam.

Meningkatkan aktiviti memudahkan perdagangan di dalam bidang prosedur kastam, e-dagang, standard teknikal dan mobiliti perniagaan untuk mengurangkan kos urus niaga sebanyak 5 peratus pada 2006.